

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
TINGKATAN 5 TAHUN 2021  
NEGERI PERLIS**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
1223/1  
PENDIDIKAN ISLAM  
Kertas 1  
Okt/Nov  
2½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

*Jawab semua soalan*

1 (a) Firman Allah SWT

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾  
هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran, 3: ayat 137-139)

Ayat di atas menjelaskan tentang *sunnatullah*.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Nyatakan maksud *sunnatullah*. [2 markah]
- (iii) Jelaskan kesan memahami *sunnatullah*. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ  
كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ  
رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ  
رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ  
وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.  
(رواية البخارى)

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud pemimpin yang adil? [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh tanggungjawab pemimpin yang adil. [4 markah]



- (iii) Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar di atas, ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya pemimpin mengabaikan tanggungjawab mereka. [4 markah]

- 2 (a) Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan al-Uluhiyyah (ketuhanan), al-Nubuwwah (kenabian), al-Ghaibiyat (ghaib) dan al-Syari'ah.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat terbatal iman. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 markah]
- (b) Akidah Ahli Sunah Waljamaah merupakan kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Nyatakan **dua** nama lain yang masyhur bagi Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 markah]

- 3 (a) Korban adalah syiar Islam yang merupakan tanda takwa seseorang mukmin bagi mendekati diri kepada Allah SWT.
- (i) Apakah maksud korban? [2 markah]
  - (ii) Nyatakan masa pelaksanaan korban. [1 markah]
  - (iii) Jelaskan **tiga** cara pembahagian daging korban. [3 markah]
  - (iv) Terangkan **dua** hikmah pelaksanaan ibadah korban. [4 markah]
- (b) Islam mensyariatkan perkahwinan sesuai dengan fitrah manusia yang ingin hidup berpasangan.
- (i) Senaraikan **empat** rukun nikah selain bakal suami. [4 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** ciri pemilihan calon suami isteri. [2 markah]
  - (iii) Suami menguruskan rumah tangga dan anak-anak, manakala isteri pula bekerja bagi menanggung perbelanjaan keluarga.
- Berdasarkan situasi di atas, wajarkah perkara ini berlaku?  
Huraikan hujah anda. [4 markah]
- 4 (a) Kerajaan Uthmaniah merupakan kerajaan Islam yang pernah mencapai zaman kegemilangan.
- (i) Nyatakan sejarah kerajaan Uthmaniah secara ringkas. [2 markah]
  - (ii) Senaraikan **dua** tokoh sultan yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniah. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada aspek berikut: [4 markah]
    - a) Pentadbiran
    - b) Keilmuan
  - (iv) Terangkan **dua** iktibar yang dapat diambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah. [4 markah]

- (b) Imam Abu Hanifah merupakan salah seorang pengasas mazhab.
- (i) Nyatakan nama sebenar beliau. [2 markah]
  - (ii) Senaraikan **dua** hasil karya beliau yang terkenal. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** keperibadian Imam Abu Hanifah. [4 markah]
- 5 (a) Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang wajib kita santuni sebagaimana melayan orang biasa.
- (i) Nyatakan **dua** contoh kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan untuk orang kurang upaya. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** adab menyantuni orang kurang upaya daripada aspek emosi. [4 markah]
  - (iii) Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. [4 markah]
- (b) Riak, ujub dan hasad merupakan sifat mazmumah yang perlu dihindari.
- (i) Nyatakan maksud riak. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** contoh sifat ujub. [4 markah]



- (iii) Allah SWT melarang sifat hasad kerana ia boleh menghapuskan amalan kebaikan seperti api yang membakar kayu api.  
Kemukakan pandangan anda. [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**